

The logo for 'CREATE e-newsletter' is displayed on a dark blue background. The word 'CREATE' is in a large, white, sans-serif font, with the letter 'R' highlighted in yellow. Below it, the words 'e-newsletter' are written in a smaller, white, lowercase, sans-serif font.

CREATE

e-newsletter

Kegembiraan berganda

Kesibukan kerja sebagai Pegawai Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang yang berkhidmat tidak menghalang Ahmad Norbadelin Abdul Murad, 50 menamatkan pengajian peringkat Master Eksekutif Pengurusan Perniagaan di UMP Advanced dan Zuriati Hassan, 50, yang menamatkan pengajian Master Eksekutif Pengurusan Perniagaan di UMP Advanced.

“Telah lama saya simpan impian agar suatu masa nanti berjaya berdiri di atas pentas sebagai graduan.

“Alhamdulillah doa kami dimakbulkan berkongsi pentas dengan isteri,” katanya yang tidak menyangka pad

sebelum ini hanya hadir bertugas mengiringi Tuanku.

Beliau bertuah apabila hasratnya untuk menyambung pengajian mendapat sokongan keluarga dan kenalan.

Walaupun kekangan mereka bukanlah disebabkan anak-anak yang masih kecil namun cabaran terhad memandangkan waktu bekerja yang tidak mengira masa.

Masih lagi beliau teringat suatu ketika dahulu, beliau menghadiri kelas dengan lengkap berpakaian bergegas ke kelas yang diadakan di UMP Gambang sebaik sahaja selesai tugas.

Manakala menurut isterinya, Zuriati Hassan yang juga berkhidmat di Pejabat KDYMM Sultan Pahang berminat menuntut ilmu.

“Kadang kala persekitaran di bilik kuliah itu yang membuatkan semangatnya semakin berkobar-kobar untuk

“Walaupun rakan sekelas berusia sekitar usia anak-anaknya, namun mereka tidak lokek ilmu untuk berkonj

“Apa yang penting dalam pelajaran, kita perlu menumpukan perhatian di dalam kelas dan menyiapkan tugasan ditetapkan,” katanya.

Bagi mereka, menerima pengijazahan yang disempurnakan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Abdullah Ri’ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta’in Billah Sultan baru-baru ini merupakan kenangan terindah buat pasangan suami isteri ini.

Prof. Ts. Dr. Mohd. Rosli Hainin dilantik TNC (Akademik dan

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melantik Profesor Ts. Dr. Mohd. Rosli Hainin, 52 sebagai Naib Pengerusi (Antarabangsa), Universiti Malaysia Pahang (UMP) untuk tempoh tiga tahun berkuat kuasa mulai 1 Novemb

Beliau yang berasal dari Temerloh Pahang ini memiliki kelulusan Ijazah Kedoktoran (PhD) pada tahun 1987 daripada National Center for Asphalt Technology (NCAT), Auburn University, Alabama, Amerika Syarikat dan berteknik ternama dalam Kejuruteraan Lebuhraya.

Profesor Ts. Dr. Mohd. Rosli memperoleh Ijazah Sarjana Kejuruteraan Awam dari University of Kentucky dan Kejuruteraan Awam dari Clemson University, South Carolina, USA (1990) dan Diploma *in Science*, Indiana

Beliau yang berpengalaman luas dalam bidang akademik dan penyelidikan telah berkhidmat selama 29 tahun

Beliau sebelum ini merupakan Naib Pengerusi Sekolah Kejuruteraan Awam UTM yang bertanggungjawab dan juga serta merupakan Felo Penyelidik Bersekutu di Pusat Geokejuruteraan Tropika (GEOTROPIK) UTM.

Lain-lain berpengalaman sebagai Ketua Makmal selama lapan tahun, Ketua Kumpulan Penyelidikan Pavement dan Pengerusi Panel Penerbitan Buku UTM selama empat tahun.

Malahan beliau juga pernah dilantik sebagai Ketua Jabatan Geoteknik dan Pengangkutan selama lima tahun dan dua tahun.

Di samping itu juga, beliau berjaya menerbitkan 400 terbitan termasuk 260 artikel jurnal dengan H-Indeks 2.

Naib Canselor UMP, Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff berkata, pihak universiti amat berbesar hati kepada Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik atas pelantikan ini.

"Semoga dengan pelantikan ini, UMP terus cemerlang untuk menjadi sebuah universiti teknologi terunggul. Teknologi terutamanya dalam memperkasa Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) aras tinggi."

"UMP sentiasa memastikan pembentukan kurikulum akademik yang dihasilkan lebih inovatif serta menyo berorientasikan keperluan industri dan menyumbang terhadap usaha memasyarakatkan teknologi di negara."

Mitchell rangkul 2 anugerah Hadiah Kecemerlangan Yayasan Kecemerlangan Dwi-Ijazah *Verein Deutscher Ingenieure*

Foto oleh: ALUWI MOHD SIKAH, JABATAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN HARTA

Mitchell Enrique Kuansin, 24 tahun, walaupun dibesarkan dalam keluarga yang serba sederhana, ia tidak untuk berjaya dalam pelajaran sehingga menerima dua anugerah iaitu Hadiah Kecemerlangan Yayasan Ijazah *Verein Deutscher Ingenieure Award*.

Mitchell menerima anugerah berkenaan daripada Canselor UMP, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in B.

Graduan Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Automotif (Program Kerjasama Dengan Karlsruhe University) berasal dari Kota Belud, Sabah itu menerima Purata Gred Nilai Kumulatif (PGNK) 3.59.

Mitchell antara 3,782 graduan yang menerima skrol masing-masing bersempena Majlis Konvokesyen Ke-bermula 16 hingga 17 November 2019 yang lalu di Dewan Kompleks Sukan UMP Kampus Gampang.

Anak sulung dari enam orang adik-beradik ini juga berjaya mendapat pencapaian keputusan dengan semester.

"Rakan seperjuangan dan pensyarah banyak membantu saya tetapi penyumbang terbesar kejayaan pada bapa saya yang telah berkorban banyak waktu, tenaga dan wang ringgit.

"Semoga dengan kejayaan ini, saya dapat membalas jasa mereka terhadap saya," ujar anak kepada p Rumantis, 54 tahun.

Semasa pengajian di UMP, beliau turut menyertai aktiviti kayak, program kesukarelawanan dan juga ahli U

Katanya, satu nilai unik yang dimiliki oleh UMP ialah hubungan yang erat dengan rakan industri.

“Ini bukan sahaja boleh meningkatkan kebolehpasaran graduan UMP, malah dapat memastikan para gra pekerjaan untuk dipilih.

“Saya berharap dapat mengaplikasi semua ilmu yang ditimba sepanjang berada di UMP dalam bidang ujarnya.

Ketika ditanya mengenai kejayaan terbesar dan pengalaman yang beliau tidak dapat lupakan ketika mer beliau telah menghabiskan satu semester di University of Applied Science Karlsruhe (HsKA), Jerman.

“Ini merupakan satu pengalaman yang tidak ramai para pelajar dapat miliki. Saya amat bertuah sekali.

“Satu pengalaman yang sangat menarik dan berimpak positif terhadap kehidupan peribadi saya ke profesional masyarakat Jerman, bekerjasama dan berinteraksi bersama pelajar dan pensyarah di univer mengembara,” katanya.

Anak muda yang berpegang kepada prinsip selalu melakukan yang terbaik dalam setiap perkara ini tu banyak kemudahan dan fasiliti yang baik serta berteknologi tinggi yang boleh membantu para pelajar dalam

2 sahabat terima Hadiah Kecemerlangan Program Dwi

Oleh: SITI NURFARMY IBRAHIM, BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Foto oleh: ALUWI MOHD SIKAH, JABATAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN HARTA

Dua sahabat yang juga merupakan rakan sebilik berkongsi kegembiraan apabila meraih Hadiah Ke *Deutscher Ingenieure Award*) pada Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Pahang (UMP) Ke-14.

Penerima anugerah tersebut adalah Nabilah Rosli, 25 dan Ong Kai Li, 24 penuntut Dwi Ijazah Meka Pembuatan dan Mekatronik (FTKPM).

Nabilah yang berasal dari Terengganu manakala Ong Kai Li yang berasal dari Pulau Pinang meluahkan menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan.

Perbezaan budaya bukanlah suatu halangan buat sahabat ini untuk sentiasa berkongsi pandangan serta yang diberikan oleh pensyarah mereka.

Ujar Nabilah, beliau sentiasa berpegang teguh kepada prinsip '*Hablum Minallah Hablum Minannas*' ya dengan Allah SWT dan hubungan sesama manusia.

Anak kepada pasangan Rosli Ludin dan Rohani Mamat ini berpandangan bahawa UMP merupakan sebuah diri insan, baik dari segi akademik, pembentukan jati dan sahsiah diri serta perkembangan teknologi.

Bagi beliau, untuk terus maju dan berjaya, seorang mahasiswa itu hendaklah senantiasa mencari peluang berputus asa kerana sebuah kejayaan tidak akan hadir tanpa usaha yang tidak pernah kenal erti putus asa.

Sementara itu, bagi Ong Kai Li pula, penerima anugerah dekan bagi enam semester sepanjang penempatan yang positif merupakan kunci kepada kejayaan.

“Andai kita mampu mengimpikan sebuah kejayaan pastinya kita mampu menggapainya. Bak kata pepatah, ‘

“UMP merupakan sebuah institut pengajian tinggi awam yang berupaya untuk membina nama negara dan kejayaannya.” katanya.

Pastinya pengalaman dan kepahitan yang ditempuh semasa pengajian akan menjadi momen terindah dalam program mobiliti di Jerman selama enam bulan.

Pengalaman belajar di Jerman membolehkan beliau belajar mengenai kebudayaan dan teknologi negara serta kaedah masyarakat Jerman dalam mendidik generasi muda.

Beliau kini telah berkhidmat di Vitrox Corporation Berhad sebagai Jurutera Pembangunan dan Penyelidikan.

Sementara itu, turut menerima anugerah ini ialah Mitchell Enrique Kuansin, 24 yang turut menerima Hadiah

Christysterra Johnny penerima Anugerah Kecemerlangan BID ti

Foto oleh: ALUWI MOHD SIKAH, JABATAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN HARTA

“Pengalaman menjadi guru bahasa Inggeris sementara di Alt?nküre Okullar, Sakarya Turki adalah pengalaman yang berharga sepanjang saya menuntut di UMP,” kata Christysterra Johnny, 23 graduan Sarjana Muda Sains Gunaan (MSc) yang menerima Anugerah Kecemerlangan Dimension BID pada Majlis Konvokesyen UMP Ke-14.

Semasa di Turki, beliau menjadi guru kepada hampir 200 pelajar berumur dari enam hingga 14 tahun yang sedang belajar bahasa Inggeris.

Beliau juga menimba banyak pengalaman baharu dan turut mempelajari bahasa Turki.

Bangga dilahirkan dengan darah Kadazan, beliau tidak pernah melupakan keluarga yang banyak menyokongnya.

Bapanya, Johnny John, 50 bekerja sebagai Penolong Am Rendah dan ibunya, Catherina Angkim, 52 pula s

“Di saat saya jatuh dan kecewa, mereka percaya pada saya dan sentiasa memberikan kata-kata semangat

“Kejayaan saya pada hari ini adalah kerana mereka dan saya akan sentiasa berusaha untuk terus memajukan diri dan jasanya,” ujar anak kelahiran Keningau, Sabah ini.

Christysterra yang cemerlang dalam akademik pernah memperoleh Anugerah Dekan buat tujuh semester.

Anak kedua daripada lima adik-beradik ini berpegang kepada kata-kata '*hardwork, works*'.

Tambah beliau lagi, kejayaan tidak akan datang begitu sahaja melainkan daripada hasil kerja keras, ketekunan dan sanggup untuk mengorbankan banyak hal demi mendapatkan ilmu dan nilai-nilai *soft skills* yang tinggi.

"UMP menerapkan *soft skills* yang lengkap dari segi kepimpinan sehinggalah keusahawanan dan sesungguh dididik untuk bersedia sebelum memasuki alam pekerjaan di industri nanti," katanya.

Beliau yang kini bekerja sebagai jurutera di TG Porcelain Sdn. Bhd. bertanggungjawab terhadap penyediaan seramik dan merawat sisa air dari industri.

Pada masa akan datang, beliau berhasrat untuk melanjutkan pelajaran di luar negara kerana baginya, ilmu dan kita perlu mengambil kesempatan dengan setiap peluang yang ada.

Chew Wi Kang raih Anugerah Kecemerlangan Perdua

"Untuk berjaya kita perlu fokus dan yakin pada diri sendiri untuk mencapai impian yang kita inginkan, bukannya usaha nak capai impian itu pasti ada rintangan dan halangan tapi jadikan ia sebagai pendorong untuk berjaya. Prinsip buatnya sehingga berjaya meraih Anugerah Kecemerlangan Perdua pada Majlis Konvokesyen Universiti Teknikal Malaysia Melaka."

Chew Wi Kang yang merupakan graduan Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Mekatronik juga membina program universiti bukan penghalang baginya cemerlang akademik dengan meraih Anugerah Dekan sebanyak dua kali.

Anak bongsu dari tiga beradik ini berkata pengalaman sepanjang di kampus banyak mendewasakannya.

"Walaupun sibuk dengan pelbagai aktiviti, saya akan membahagikan masa antara belajar dengan aktiviti lain sepenuhnya ketika pembelajaran di dalam kelas agar saya tidak tercicir," katanya.

Anak kelahiran Johor ini merasa amat gembira kerana berjaya menamatkan pengajian dengan mempamerkan dengan purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) 3.77.

Beliau kini bekerja sebagai Jurutera Mekatronik di syarikat AI-Sus Industri, Singapura sejak September lalu.

Beliau amat berterima kasih kepada pensyarah yang banyak mengajar, bukan sahaja dalam bidang Mekatronik tetapi berpasukan dan *soft skill*.

Chai Ly Min dinobatkan penerima Anugerah Kecemerlangan Perdua

Oleh: SHALFARINA BINTI SHAHRIMAN, PENERBIT UMP

Impian untuk menjadi pelajar cemerlang dalam pelajaran akhirnya terlaksana apabila dinobatkan sebagai penerima Anugerah Prihatin Komuniti Telekom pada Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Pahang (UMP) Ke-14 pada 16 November 2019 yang berlangsung di UMP.

Chai Ly Min, 24, bersyukur kerana pengorbanannya untuk berjaya dalam pelajaran membuahkan hasil apabila dinobatkan sebagai penerima Anugerah Prihatin Komuniti Telekom (PNGK) 3.79 sepanjang empat tahun pengajian beliau di UMP.

“Saya berasa amat gembira dengan kejayaan ini dan sudah pasti ia adalah atas dorongan ibu bapa tercinta yang sentiasa menyokong saya untuk belajar bersungguh-sungguh.

“Saya paling gembira apabila kini telah bekerja sebagai seorang jurutera di sebuah syarikat swasta di Kulim.

“Terasa penat lelah saya belajar selama ini terbayar juga akhirnya,” katanya.

Nasrul Arif Zakaria Penerima Anugerah Prihatin Komuniti

Bijak menguruskan masa merupakan kunci kejayaan kepada anak kelahiran Pahang, Nasrul Arif Zakaria, (Kejuruteraan Perisian) dengan Kepujian yang berjaya mengekalkan Anugerah Dekan pada setiap semester.

Anak bongsu dari lima beradik ini sama sekali tidak pernah menyangka akan terpilih untuk menerima Anugerah Dekan di Majlis Konvokesyen UMP ke-14 pada 16 November 2019 yang lalu.

Ketika rakan seusiaanya ghairah dengan telefon pintar, media sosial dan permainan atas talian, Nasrul Arif berminat untuk belajar atau berlatih ilmu baharu seperti membuat reka grafik atau menyunting video dan lain-lain yang datang sekaligus menjadi nilai tambah untuk dirinya.

Dalam erti kata lain, beliau mempersiapkan diri dengan kemahiran baharu seiring dengan perkembangan teknologi.

Menurut Nasrul Arif, selagi mampu, beliau akan membiasakan diri menyertai program kesukarelawan kerana ia dapat membuka minda dan menyedarkan kita bahawa ramai orang di luar sana yang memerlukan pertolongan.

“Jika kita mempunyai kelebihan, bantu orang lain yang mungkin mengalami kekurangan supaya keadaan peribadi kita akan dapat lebih lagi,” tambah beliau.

Selain itu, Nasrul Arif juga turut meminati bidang pengucapan awam.

Beliau juga pernah turut serta dalam program *I Am Survivor* anjuran Alumni UMP selama tiga tahun sebagai pembicara penceramah motivasi kaedah pembelajaran di UMP.

Pada tahun berikutnya, 2018, Nasrul Arif terlibat sebagai fasilitator program dan pada 2019 pula sebagai pembicara.

Nasrul Arif kini merupakan seorang pembantu penyelidik kepada Dr. Munira Abdul Razak, pensyarah Pusa.

Ketika ini, beliau turut berkhidmat sebagai *freelancer*. Nasrul Arif bercita-cita untuk mengembangkan perniagaan di bidang perekaan grafik dan pembinaan yang kini dalam proses pendaftaran.

Nurul Nadiah 7 kali Anugerah Dekan terima 2 Anugerah

Oleh: NUR SA'ADATUL AFZAN JUSOH, BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Foto oleh: ALUWI MOHD SIKAH, JABATAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN HARTA

Kecemerlangan mahasiswa Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam, Nurul Nadiah Abdul Halim, 24 tahun, telah meraih Anugerah Kecemerlangan UMP Holdings Sdn. Bhd. pada minggu ketujuh semester berturut-turut dalam pengajian Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Awam berprestasi tinggi. Beliau.

Anak sulung kepada pasangan Abdul Halim Abdul Hamid dan Hayati Idayu Mohd Yusoff ini memegang faedah terbaik dalam apa jua bidang yang diceburi dan menjadi individu yang boleh menyumbang kepada perkembangan negara.

Ketika ditanya tentang rahsia kecemerlangannya, Nurul Nadiah berkata, beliau sentiasa membuat perseorangan, memberi komitmen, fokus dan tawakal.

Beliau telah terpilih untuk menerima Anugerah Kecemerlangan UMP Holdings Sdn. Bhd. dan Anugerah Konvokesyen UMP Ke-14 baru-baru ini.

Nurul Nadiah turut aktif dalam kokurikulum sepanjang pengajiannya di UMP, malah pernah menyandang jawatan sebagai Ketua Panitia Pelajar UMP Ke-14 pada tahun 2017 dan program Lanjutan Interaksi Bersama Sekretariat EOSH USM 2017.

Beliau amat meminati kerja sukarelawan dan pernah terlibat sebagai sukarelawan dalam Karnival Alam Sekitar dan Penanaman Semula Pokok Hutan Daerah Bera Fasa 5.

Beliau juga turut aktif menyertai pertandingan berbentuk penyelidikan antaranya *Creation, Innovation, Technology* dan *International Festival of Innovation on Green Technology and Ideas (i-FINOG)* dan *International Innovation Challenge*.

"Pencapaian yang paling membanggakan apabila saya dan ahli kumpulan berjaya meraih pingat emerald pada pertandingan (CITREX) 2019.

"Kami telah menghantar dua penyertaan dan salah satunya berjaya memenangi pingat gangsa. Segala usaha yang kami lakukan untuk menyiapkan projek tersebut dirasakan sangat berbaloi" ujarnya lagi.

Ketika ini beliau berkhidmat sebagai jurutera awam dan struktur di sebuah firma konsultan di Kuantan.

Nadiah turut menyimpan cita-cita untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi pada masa hadapan.

Solat dhuha rahsia Nor Syahirah raih 6 kali Anugerah

Foto oleh: ALUWI MOHD SIKAH, JABATAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN HARTA

Penerima Anugerah Yayasan Pahang di Majlis Konvoquesyen Ke-14 Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengamalkan solat dhuha dan tahajud setiap hari sekaligus menjadi rahsia kejayaannya.

Menurut Syahirah, amalan solat dhuha dan tahajud tersebut dilakukan setiap hari agar memudahkan sekerana kerana setiap urusan, kita tak boleh harapkan usaha kita sahaja, sebaliknya perlu yakin dan berharap terha

“Syukur Alhamdulillah, saya tidak menyangka terpilih menerima anugerah ini kerana merasakan lebih rama

“Mungkin kerana dengan berkat sokongan dan doa daripada keluarga, terutama kedua-dua ibu bapa m ini,” ujarnya.

Ibu bapa adalah pendorong kejayaan saya yang membimbing dari kecil hingga kini selain itu kita per pensyarah dan rakan-rakan.

Anak kelahiran Bentong, Pahang ini juga turut meraih enam kali Anugerah Dekan sepanjang pengajiannya.

Graduan Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Pengurusan Infrastruktur) dengan Kepujian itu kini bertu Hong Leong Islamic Bank, Menara Hong Leong.

Anak bongsu dari lima beradik ini berkata dengan penyertaan kita dalam aktiviti di universiti terutama dalam langsung dapat membantu dan mendekatkan diri kita dengan masyarakat setempat.

Selain beliau, empat lagi penerima Anugerah Yayasan Pahang iaitu S Thamilarasi A/P V Sithambar (Kepujian) Kejuruteraan Kimia, Sho Yun Feng, Sarjana Muda Pengurusan Projek Dengan Kepujian, Kejuruteraan Elektrik (Elektronik) dan Nur Farziana Binti Husein, Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Pe

Wan Hamizan raih Hadiah Kecemerlangan BASF Petro

Oleh: SITI NURFARMY IBRAHIM, BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Foto oleh: ALUWI MOHD SIKAH, JABATAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN HARTA

Graduan Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Kimia, Wan Hamizan Wan Zainal, 24, menerima Hadiah Sdn. Bhd. pada Majlis Konvoquesyen Universiti Malaysia Pahang (UMP) Ke-14 bertempat di Kompleks Suka

Ketika berada di tahun akhir pengajian, Laylatun Qadrina telah dinobatkan sebagai penerima anugerah '*Energy*' tajaan IEEE-PES Malaysia Chapter 2019 dalam penganjuran '*Exhibition of Senior Project* (EXSELEN) 2019'.

Laylatun Qadrina berjaya menamatkan pengajian dengan purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.84 sepa dan menerima biasiswa daripada Yayasan Gamuda Berhad.

Beliau kini bertugas sebagai Jurutera untuk projek Mass Rapid Transit (MRT) bawah tanah aliran dua di ba

Mohammed Shafiq graduan Dwi-Ijazah UMP- HsKA

Oleh: SITI NURFARMY IBRAHIM, BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Program Pengajian Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Automotif hasil kerjasama Universiti Malaysia Pahang of Applied Science (HsKA), Jerman sering dianggap program yang agak sukar bagi sesetengah pendapat.

Namun, bagi Mohamed Shafiq Abd Salim,24, beliau berjaya membuktikan ianya bukan halangan buatnya dalam kegiatan sukan.

Beliau hadir menerima dwi-ijazah bersempena Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Pahang (UMP) K Universiti, UMP Gambang pada 16 November 2019 yang lalu.

Graduan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal & Automotif (FTKMA) ini juga merupakan pemenang Kejohanan Memanah Piala YDP BKM DBKL Ke-52 tahun ini.

Beliau juga pernah meraih pingat 4th Place Compound Men dalam Johor International Archery Open, Kejohanan Sukan IPT Pantai Timur (SIPTAR), pingat gangsa di UMP Indoor Open, kelima keseluruhan Open, pingat gangsa 50m qualifying dalam Kejohanan Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASU Terbuka Universiti Utara Malaysia (UUM).

"Ramai orang beranggapan bila terlalu aktif dalam kokurikulum, susah untuk memberi fokus kepada akade dan pembahagian waktu itu sangat penting.

"Cuba untuk mendisiplinkan diri dengan jadual dan menyiapkan tugas dalam tempoh yang ditetapkan mencapai kejayaan," ujarnya.

Bagi Mohammad Shafiq, tiada perkara yang mustahil jika dilaksanakan dengan betul dan penuh minat serta betul-betul minat.

Anak kelahiran Mersing, Johor ini juga pernah menerima Anugerah Dekan sebanyak dua kali sepanjang masa.

Mengulas mengenai perancangan masa hadapan, ujarnya beliau masih dalam pertimbangan dan berkira-kira ke peringkat seterusnya memandangkan beliau kini baharu menamatkan latihan di Korea.

Kini tumpuan akan diberikan terhadap pertandingan yang akan berlangsung pada hujung November iaitu UMP Archery Championship dan UMP-Excella International Indoor Archery Championship 3.0 serta beberapa sikit pertandingan lain.

9 sekeluarga bergraduasi serentak

“Orang yang berjaya dalam hidup ini adalah mereka yang nampak hala tuju. Kekuatan bukan hanya datang dari semangat yang tidak pernah mengalah.”

Inilah falsafah pegangan hidup bagi Datuk Mokhtar Samad, 73 yang merupakan Penasihat Kehormat PKBM (PKBM).

Kesibukan kerjaya dalam bidang pembinaan sejak 46 tahun lalu bukan halangan buatnya dalam menimba ilmu.

Beliau berjaya menamatkan pengajian Master Eksekutif Pengurusan Projek di bawah UMP Advanced Education dan menerima Anugerah Profesional Pembelajaran Sepanjang Hayat sempena Majlis Konvokesyen UMP Ke-14 pada 16 Februari 2023.

Malahan, menjadi sejarah buat keluarganya apabila turut bergraduasi dan berkongsi pentas konvokesyen Hayati Hayatullah Md. Ali bersama lima anak dan dua menantunya.

“Anak-anak muda generasi hari ini perlu meneruskan semangat rajin belajar sehingga ke akhir hayat,” ujar Mokhtar.

Isterinya, Datin Neng Hayati Hayatullah Md. Ali, yang merupakan Pengerusi Biro Wanita dan Kebajikan turut melahirkan perasaan bersyukur apabila dapat menamatkan pengajian bersama keluarga dan berpuas hati menerima anugerah.

Begitu juga bagi anaknya, Mokhzairi Mokhtar berkata, dapat belajar bersama menjadikan mereka lebih akrab dan dapat menamatkan pengajian bersama.

Selain Mokhzani, turut berkongsi pentas konvokesyen adalah Nurul Maria Mokhtar, Mokhzairi Mokhtar, dan Mokhzairi Mokhtar.

Jurutera Eksekutif terima Anugerah Profesional Pembelajaran

Oleh: SITI NURFARMY IBRAHIM, BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

“Berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian, bersakit-sakit dulu, bersenang-senang kemudian,” begitu penerima Anugerah Profesional Pembelajaran Sepanjang Hayat, Lim Poh Ann, 53.

Walaupun beliau terikat dengan tugas hakiki sebagai Jurutera Eksekutif namun ia bukanlah penghalang b
Executive Bachelor in Business Management (Majoring in Industrial Operations) di Universiti Malaysia Pah

Menurut Lim, anak kelahiran Muar, Johor ini, dalam hidup ini rahsia kejayaan terletak kepada ketekunan da

“Pelajaran kepada sebuah kegagalan adalah keletihan dan mudah beralah namun bagi mereka yang mem
takut akan pengorbanan, kejayaan pasti akan hampiri.

“Terdapat banyak penjelasan berbeza tentang kejayaan dan hanya terdapat satu penjelasan mengenai k
mencapai matlamat dalam hidupnya dan tidak peduli akan tujuannya.

“Saya percaya apabila kita sudah melakukan sesuatu pada awalnya pastikan kita tidak lagi menoleh
penamat,” katanya.

Tambah beliau lagi, pengalaman menimba ilmu di UMP akan menjadi kenangan paling manis dalam hidup

“UMP dianggap sebagai Artificial Intelligence (AI) yang membawa maksud keupayaan UMP dalam m
bersesuaian dengan kehendak industri,” katanya.

Beliau berhasrat untuk melanjutkan pengajian di peringkat Master Executive pada suatu hari nanti seterusnya dapat melatih lebih ramai graduan dalam bidang ini khususnya bagi mendepani Industry Revolution (IR) 4.0.

Muhammad Nur Alif Re'dzuan berkorban buat ayah

Kisah graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) Fakulti Komputeran Universiti Alif Re'dzuan, 24 yang sanggup berhenti kerja sebagai Pengaturcara dan Pereka Grafik di sebuah syarikat. Re'dzuan Yusof, 59, yang terlantar sakit selepas melakukan pembedahan di bahagian otaknya akibat demensia pernah tular di media sosial sebelum ini.

Ujarnya, sebagai anak sulung daripada dua adik-beradik sememangnya menjadi tanggungjawabnya untuk

“Apatah lagi sejak arwah ibunya meninggalkan mereka, ayahlah yang banyak berkorban untuk membesarkan

“Saya masih ingat lagi, arwah ibu meninggalkan kami tatkala saya berada di tahun satu pengajian di UTM semasa menghantar saya di hari pendaftaran.

“Ibu ingin melihat saya berjaya dan dapat mengubah nasib keluarga suatu hari nanti. Ayahlah yang banyak berkorban, pelajaran mesti diteruskan walaupun ibu sudah tiada,” katanya.

Dengan kata-kata itu, beliau bangkit belajar sehingga tamat pengajian dan berjaya ditawarkan bekerja di CERN.

Namun tidak lama kemudian, beliau dikejutkan dengan berita ayahnya demam dan penyakit darah tinggi sehingga kepala membengkak.

Selepas pembedahan di kepala ayahnya, keadaan ayahnya semakin membimbangkan dan perlu jagaan serta keputusan untuk berhenti kerja demi menjaga ayahnya.

“Bagi saya untuk menguruskan ayah sememangnya memerlukan kesabaran dan kadang-kadang terutamanya untuk mengangkat ayah semasa temu janji di hospital kerana semua pergerakan ayah menggo

Hasratnya untuk meraikan kejayaan di pentas konvokesyen dengan ditemani ayah dan keluarga serta tem memandangkan keadaan ayahnya tidak mengizinkan untuk ditinggalkan.

Namun, beliau tidak menyangka saudara-maranya bersungguh-sungguh inginkan Muhammad Nur Alif nait Konvokesyen UMP ke-14 baru-baru ini.

Malahan mereka sanggup memberikan sumbangan kewangan dan tenaga menjaga ayah sepanjang beliau

Tatkala graduan lain hadir ke majlis konvokesyen bersama keluarga masing-masing, Muhammad Nur Ali menuju ke UMP bagi menghadiri Majlis Konvokesyen tersebut.

Beliau juga amat bersyukur kerana rakannya, Helmi Hanoin sudi menumpangkannya untuk tinggal konvokesyen berlangsung.

Memanfaatkan kepakarannya dalam reka bentuk grafik, beliau kini melakukan kerja-kerja membuat reka yang terletak di Taman Malar Ulu Kinta, Perak.

Dalam masa yang sama, beliau menghargai bantuan pihak Hospital Raja Permaisuri Bainun Ipoh, Jabat Perak dan semua yang banyak membantu mereka sekeluarga.

“Kini tahap ayah semakin pulih dan sedang melalui rawatan fisioterapi serta berharap agar ayahnya kembang

“Cabaran ini amat berat untuk ditempuhi tetapi yakin dan percaya pasti ada hikmah di sebaliknya,” katanya

Jika ibu masih ada, dialah insan paling gembira – M

Oleh: SITI NUR AZWIN ZULKAPRI, BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Hadir meraikan kejayaan tanpa insan tersayang pastinya mengundang perasaan sedih. Itulah rasa hati M Muda Teknologi Kejuruteraan (Farmaseutikal) Dengan Kepujian yang hadir menerima ijazah bersempena November 2019 yang lalu di Dewan Kompleks Sukan, UMP Kampus Gambang.

Nur Shairah, 23 tahun berkata, arwah ibunya meninggal dunia Oktober tahun lalu disebabkan penyakit di tahun.

“Sejak itu, ayahlah tempat kami bergantung. Hari ini ayah saya, Yahya Deraman hadir menyaksikan hari dengan adik-beradik lain.

“Terasa sebak apabila mengenangkan arwah ibu yang sudah tiada.

“Saya tahu jika hari ini ibu ada, pasti dia insan paling gembira melihat kejayaan ini,” katanya

Lebih manis lagi, Nur Shairah adalah Penerima Anugerah Kecemerlangan Teknologi Kejuruteraan Pembu apabila mendapat Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) 3.77.

Jelas beliau lagi, ibu sangat berharap dapat melihat saya menerima anugerah, tapi beliau tak sempat melih

‘Namun, saya rasa seolah-olah ibu berada dekat dengan saya.

"Saya anggap kejayaan ini adalah berkat pengorbanan saya untuk ibu ketika hayatnya.

“Jangan sangka kita berjaya kerana usaha dan kepandaian kita sebaliknya kita lupa ada insan yang mengujarnya.

Nur Shairah yang kini tinggal bersama bapa dan adik-beradiknya, berhasrat menyambung pelajarannya dalam bidang Farmaseutikal dan berhasrat untuk mengeluarkan produk sendiri satu hari nanti.

Laut Cina Selatan bukan penghalang buat Dr. Mo

Oleh: SITI NURFAHMY IBRAHIM, BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Berpisah beribu batu dari Semenanjung bukanlah penghalang buat Ts. Dr. Mohd Hafizil Mat Yasin untuk secara separuh masa dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal (*Fuel Combustion*) di Fakulti Teknologi Kejur Malaysia Pahang (UMP).

Dr. Mohd Hafizil yang bertugas sebagai pensyarah di Terengganu pada mulanya agak keberatan ap akhirnya beliau akur dengan arahan pertukaran tersebut.

Tidak ternoktah di situ, beliau akhirnya mendaftarkan diri sebagai pelajar pascasiswazah pada akhir 2014.

Berpegang kepada falsafah *‘It doesn’t matter where you come from, what does matter is YOU’*, menjadikan pengajian selama empat tahun di UMP apatah lagi mendapatkan sokongan yang padu dari keluarga tercint

“Tipulah andai tiada kepehitan yang ditempuh apatah lagi apabila mendapat perkhabaran bahawa saya

Persekutuan (HLP), Kementerian Pendidikan Malaysia setelah melepasi peringkat temu duga,” ujarnya.

Namun, anak sulung daripada enam adik-beradik ini akhirnya bangkit untuk meneruskan pengajian walaupun

Berkat kesabaran dan kegigihan, akhirnya beliau mendapat tawaran Sangkutan Industri Pensyarah (SIP) syarikat swasta di Kota Kinabalu sekaligus berpeluang untuk menyediakan sendiri rig pengujian enjin (*engine*)

Ujar beliau, UMP merupakan sebuah universiti di bawah Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTM) tersendiri untuk memenuhi keperluan bidang Sains, Pengurusan dan Teknikal dengan keupayaan staf dan infrastruktur dan institusi bertaraf dunia untuk keperluan semasa dan komuniti setempat.

Dr. Mohd. Hafizil turut menamatkan pengajian Sarjana Separuh Masa dalam Kejuruteraan Mekanikal di UPM

Beliau turut meluahkan rasa syukur dan berterima kasih terutamanya kepada penyelia beliau yang sudi membimbing pengajian.

Dr. Mohd Hafizil akhirnya akan kembali semula ke Semenanjung setelah hampir enam tahun menetap di Sabah

Sidang Editorial

PENAUNG

Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff
nc@ump.edu.my

KETUA EDITOR

Zainuddin Mat Husin
zmh@ump.edu.my

EDITOR

Safriza Haji Baharuddin
[safriza@ump.edu.my](mailto:sufriza@ump.edu.my)

WARTAWAN/PENULIS

Mimi Rabita Abdul Wahit
mimirabitah@ump.edu.my

Nur Hartini Mohd Hatta
nurhartini@ump.edu.my

Nor Salwana Mohammad Idris
salwana@ump.edu.my

PENTADBIR WEB

MOHD SUHAIMI BIN HASSAN
mohdsuhaimi@ump.edu.my

PEREKA GRAFIK

Noor Azhar Abd Rasid
noorazhar@ump.edu.my

JURUFOTO

Khairu Aidilnisha Rizan Jalil
khairul@ump.edu.my

Muhammad Naufal Samsudin
naufal@ump.edu.my

PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatulazlin Abd Aziz
lin@ump.edu.my

Sidang Editorial berhak melakukan tindakan yang tidak diterima untuk penyiaran selagi tidak disiarkan tidak semestinya menggariskan dan sikap Buletin e-CREATE. Karya yang dikembalikan semula tanpa kebenaran Ketua Editor.

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa yang dikembalikan melalui pos.

Segala sumbangan yang dikembalikan akan dikembalikan. Sumbangan karya yang dikembalikan kepada penerbit di:

EDITOR
Bahagian Komunikasi Korporat
Pejabat Naib Canselor
Canseleri Tun Abdul Razak
Universiti Malaysia Pahang
26600 Pekan
Pahang Darul Makmur
Tel.: 09-424 5000
Faks: 09-424 5055
e-Mel: [safriza@ump.edu.my](mailto:sufriza@ump.edu.my)

ISSN 1823-7487



9 771823 748004



5-Star World Class Technological University
www.ump.edu.my



- 226 views

[View PDF](#)

Newsletter Image

CREATE

e-newsletter



Universiti
Malaysia
PAHANG

Engineering • Technology • Creativity

Universiti Teknologi Bertaraf Dunia

